

NO. SOALAN: 532

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional penggunaan wang YaPIEM derma orang ramai untuk fakir miskin diguna untuk program-program pelajar luar negara.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan orang ramai kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPIEM) melalui Skim Potongan Gaji (SPG) bukanlah merupakan satu-satunya sumber dana YaPEIM bagi membangunkan program-program amal jariah, bahkan sumber perniagaan sebagai sumber terbesar yang menyumbang pada program amal jariah tersebut.

Pelaksanaan program di luar negara adalah khusus untuk pelajar yang dibawah Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Nasional (SANTUN) yang dibiayai oleh YaPIEM. Program yang dijalankan tidak hanya melibatkan kursus perkahwinan semata-mata sebagaimana yang didakwa malah meliputi "Seminar Asas Keusahawanan Muda Islam", Program Kursus & Kembara SANTUN", dan "Simposium Perdana: Isu Perkahwinan, Kekeluargaan Keusahawanan dan Pengurusan" yang diadakan secara serentak. Program berkenaan adalah ke arah pemantapan aspek keusahawanan dan ini adalah selaras dengan objektif dan falsafah penubuhan YaPIEM.

Selaras dengan objektif penubuhan YaPEIM untuk membangunkan ekonomi umat islam, segala sumbangan dan hasil keuntungan perniagaan YaPEIM digunakan untuk program-program pembangunan ekonomi termasuk membantu usahawan-usahawan skala kecil.

Antara program-program amal jariah yang dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Membangun Ekonomi Cemerlang iaitu Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Nasional (SANTUN), Projek Kelab Maya Sahabat ArRahnu (Kelab Masa) dan Projek Global Manager;
- ii. Gerakaan Pemerkasaan Ekonomi Ummah iaitu Sekretariat Pemantau Resolusi Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3), Program Pembangunan Keusahawanan Ummah dan Gerakan Kesedaran & Pendidikan Beramal Jariah dan Pembangunan Ekonomi;

- iii. Membangun Ilmu Pengurusan Islam iaitu pembangunan modul-modul berteraskan Ilmu Pengurusan Islam; dan
- iv. Memantapkan Kebajikan Ummah iaitu Skim Khidmat Nasional, Program Sinar Kasih, Program Perkasa Komuniti dan Program YaPIEM Prihatin.

Sekian, terima kasih.

**MESUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING PENAMPANG]**

SOALAN : 533

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk melaksanakan perkara-perkara yang termaktub dalam UNDRIP dan Outcome Document dari Persidangan Dunia Orang Asal (World Conference in Indigenous People) berdasarkan komitmen Kerajaan Persekutuan Malaysia semasa persidangan tersebut bagi melindungi hak-hak Orang Asal di Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menjawab untuk Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini KKLW menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kepada masyarakat Orang Asli terutamanya dalam meningkatkan liputan akses dan keperluan prasarana di perkampungan Orang Asli. Empat (4) elemen prasarana yang diberi tumpuan ialah jalan perhubungan, rumah, bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar atau bekalan air terawat.

Sehingga kini, daripada 853 perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sebanyak 733 kampung iaitu 86 peratus telah disediakan akses jalan perhubungan yang sempurna. Manakala sebanyak 603 kampung iaitu 70.7 peratus telah

mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan sebanyak 678 kampung iaitu 79.5 peratus telah mempunyai kemudahan bekalan air terawat. Baki kampung-kampung yang belum menerima kemudahan jalan perhubungan, bekalan elektrik dan bekalan air terawat akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tempoh RMKe-11. Bagi Program Bantuan Rumah (PBR), sebanyak 5,783 unit PBR telah dibina kepada masyarakat Orang Asli semenjak RMKe-6 lagi.

Isu-isu yang melibatkan masyarakat Orang Asli ini bukan sahaja tertumpu kepada usaha-usaha pembangunan infrastruktur di kawasan penempatan mereka, namun begitu fokus juga diberikan kepada pembangunan modal insan termasuk pendidikan dan kemahiran dengan penyediaan bantuan pendidikan dan kemudahan latihan.

Kerajaan juga melaksanakan projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli melalui projek Tanaman Komersial getah dan kelapa sawit dengan kerjasama RISDA dan FELCRA yang melibatkan 155

projek Tanaman Semula Komersial dengan keluasan 22,720.47 hektar. Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan Projek Ladang Masyarakat sebanyak 36 buah ladang sehingga Tahun 2015 dan dijangka sebanyak 15 buah ladang lagi akan dibuka pada Tahun 2016 dengan keluasan 704.61 hektar.

Menerusi usaha-usaha kerajaan yang berterusan ini akan dapat memastikan bahawa kumpulan minoriti ini dapat bergerak seiringan dengan masyarakat umum di dalam arus perdana dan ini menunjukkan bahawa tindakan Kerajaan adalah selari dan sejajar dengan standard antarabangsa sepertimana yang telah dinyatakan dalam UNDRIP.